

08 MAY 2002

Abdullah-PAS

ABDULLAH ANGGAP KESEPAKATAN PAS DAN UMNO SEBAGAI BERSEJARAH

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini menganggap hari ini sebagai hari yang penuh bersejarah apabila PAS dan kerajaan bersepakat dalam satu isu iaitu isu Palestin.

Beliau berkata sokongan pembangkang dalam isu tersebut akan menjadikan tindakan kerajaan lebih bermakna.

"Ia menjadikan tindakan kerajaan berhubung isu Palestin sebagai langkah yang lebih dinamik lagi dan mampu mengumpul kekuatan serta sokongan rakyat sepenuhnya," katanya dalam persidangan berita selepas menghadiri majlis Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan di sini malam ini.

Menjawab satu pertanyaan, beliau tidak menolak kemungkinan akan ada lagi pertemuan serta perbincangan susulan antara PAS dan kerajaan berhubung isu Palestin, mahupun isu-isu lain.

Menurutnya, kehadiran kedua-dua pemimpin Umno dan PAS pada majlis itu menunjukkan kesepaduan antara kedua-dua pihak dalam isu Palestin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor menyampaikan syarahan pada majlis anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka itu. Majlis itu turut disiarkan secara langsung oleh RTM.

Turut hadir adalah Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Pada persidangan berita yang sama, Abdul Hadi berkata kesepakatan antara PAS dan Umno sebenarnya bukan perkara baru kerana kedua-dua pihak pernah bersependapat dalam beberapa isu sebelum ini.

"Sebelum ini kita pernah sependapat berkenaan beberapa isu seperti isu Bosnia," katanya.

Menurut beliau, ia pernah berlaku dan tidak akan berakhir dengan majlis pada malam ini sahaja.

-- BERNAMA

AZH AZH MOZ